



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 19 FEBRUARI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	'SAYA TETAP JADI PEMBELA TERBAIK KEPADA AHLI PELADANG', FOKUS, MINGGUAN AMANAH -8 2. MASUK BIDANG PERTANIAN JADI JUTAWAN, FOKUS, MINGGUAN AMANAH -8 3. KEBAJIKAN NELAYAN DIJAGA, PEMBIAYAAN MIKRO UNTUK USAHAWAN TANI WANITA, FOKUS, MINGGUAN AMANAH -8 4. HUSAM MUSA- REGU UTAMA SALAHUDDIN AYUB DI MOA, RENCANA, MINGGUAN AMANAH -28 5. 12 AGROPRENEURS IN PINEAPPLE SECTOR RECEIVED RM600,000 FROM AGROBANK, NEWS, BIZVANTAGE -10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
6.	LOGO MYGAP TANDA BUAH SELAMAT, BISNES, HARIAN METRO -22	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
7.	BAGANG KINI SUMBER BARU PENDAPATAN NELAYAN LABUAN, PERISTIWA, MINGGUAN AMANAH -30,31	JABATAN PERIKANAN (DOF)
8.	PENYEDUT SERAI INOVASI BERNAS, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -13 9. KADA AKAN KEMBANG SERAI BULUH GANTI STRAW PLASTIK, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -13	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
10.	DEPT SEIZES 52 TONNES OF TUNISAN DATES, NEWS IN BRIEF/NEWS, NST -11 11. MAQIS RAMPAS TIGA KONTENA KURMA, NEGERI, SINAR HARIAN -33	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
12.	13. GUNA VARIETI PADI KADARIA 1, SINAR NEGERI SELANGOR/KL, SINAR HARIAN -29 14. TARIKAN GALERI INOVASI PADI, NASIONAL, SINAR HARIAN -15 15. SELANGOR IMPROVED RICE SUFFERS SETBACK IN HARVEST, METRO EDITION A, SIN CHEW DAILY -6 16. NEW VARIETY OF DISEASE-RESISTANT TO BE PLANTED FOR TRIAL IN SELANGOR NEXT WEEK, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A35 17. SELANGOR TO TRY GROWING DISEASE-RESISTANT RICE IN JUNE, NATIONAL, MANYANG SIANG PAU -A3	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
17.	PRICE OF MUSANG KING FALLS, NATION, STAR -6	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/02/2020	MINGGUAN AMANAH	FOKUS	8

Gagasan utama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani 'Saya tetap jadi pembela terbaik kepada ahli Peladang'

Oleh **ARIF ATAN**

MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, kepentingan ahli Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang kini berjumlah kira-kira 920,000 orang sentiasa diberi perhatian agar mereka dapat keluar daripada garis kemiskinan.

Timbalan Presiden AMANAH itu memberitahu, reformasi struktur pertanian sedang giat dilaksanakan bagi memastikan hak golongan peladang sentiasa terbela.

"Apa yang saya buat itu konsisten dengan sikap saya untuk membantu golongan yang masih miskin. Jangan risau. Saya tetap jadi pembela yang terbaik kepada ahli Peladang kita.

"Kami perlu menyusun kembali bukan tempel dan tampal sana sebagai penyelesaian. Ini satu reformasi struktur yang saya perlu ada keberanian untuk melaksanakannya," kata beliau dalam Bicara Menteri menerusi Jom Channel baru-baru ini.

Dalam slot bertajuk, "Dasar Pertanian Baharu - Apa pencapaiannya?", beliau sekali lagi menegaskan pemberian projek secara rundingan terus bernilai RM1.4 billion kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) bukannya satu skandal.

"Isu itu satu panorama politik yang sungguh menarik sebelum berakhirnya tahun 2019. Saya mahu kontrak baja khususnya diberi kepada NAFAS secara langsung. Itu tidak salah. Saya telah mengkaji dari segi punca kuasa, kaedah perolehan itu.



Salahuddin menyampaikan bantuan bencana kepada 47 ahli Peladang Terengganu dengan peruntukan sebanyak RM92,000 bulan lalu.

"Saya yakin ahli-ahli Peladang yang hampir sejuta itu berdiri teguh di belakang saya. Saya akan terus membela mereka.

"Jadi, tidak timbul isu skandal RM1.4 billion itu telah berlaku penyelewengan kepada NAFAS dan ahli Peladang," tegasnya.

Salahuddin juga berkata, pelbagai penyelewengan yang berlaku dalam NAFAS terbongkar apabila Pakatan Harapan (PH) mengambil alih Putrajaya.

"Sekarang, ada antara mereka telah disiasat oleh SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) juga ada laporan polis terhadap mereka.

"(Mereka) Ini bagi saya pengkhianat terhadap ahli-ahli Peladang kita. Antara tugas utama saya adalah memulihkan kembali NAFAS.

"Alhamdulillah, hari ini kita ditadbir oleh kepimpinan baru yang akan memberikan

satu dimensi baru ke atas NAFAS," ujarnya.

Mengulas Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) tertentu yang memfailkan saman berhubung Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019, beliau berkata, pihaknya tidak akan gentar.

"Saya akan buat lagi peraturan-peraturan yang memelihara hanya mereka yang mempunyai integriti untuk memimpin NAFAS dan badan-badan lain. Ini reformasi yang benar-benar reform yang memerlukan keberanian.

"Alhamdulillah. Perdana Menteri faham perlunya NAFAS direformasikan. Kita harus berani melakukan perubahan kerana NAFAS satu-satunya harapan petani kita. Saya bersama peladang-peladang kita di seluruh tanahair," tambahnya lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/02/2020	MINGGUAN AMANAH	FOKUS	8

Masuk bidang pertanian jadi jutawan

BIDANG pertanian sebenarnya berpotensi tinggi menyumbang kepada peningkatan pendapatan termasuk dalam kalangan anak muda, kata Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Dalam slot Bicara Menteri menerusi *Jom Channel* baru-baru ini juga, beliau menegaskan rakyat perlu merebut banyak peluang dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

"Semua peluang dalam MOA ini satu destinasi baru rakyat menjadikan bidang pertanian tempat mereka menambahkan pendapatan

"Kamu boleh menjadi jutawan dengan masuk bidang pertanian. Pertanian bukan bidang yang kotor dan sukar. Hari ini telah ramal penerima anugerah.

"Anak muda ada yang meninggalkan (kerjaya) juruterbang masuk bidang pertanian, dalam sektor berkaitan O&G (min-

CC Anak muda ada yang meninggalkan (kerjaya) juruterbang masuk bidang pertanian, dalam sektor berkaitan O&G (minyak dan gas) masuk perternakan malah ada yang dari bidang IT (teknologi maklumat) masuk pertanian.

Datuk Seri Salahuddin Ayub.

yak dan gas) masuk perternakan malah ada yang dari bidang IT (teknologi maklumat) masuk pertanian.

"Jadi, masa depan semua sektor dalam pertanian menjamin pendapatan yang lumayan," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan penglibatan rakyat pelbagai latar belakang dalam sektor pertanian ini akan membantu Malaysia muncul sebagai negara pertanian moden yang mampu bersaing di peringkat serantau dan antarabangsa.

Dalam masa sama, Salahuddin memberitahu secara keseluruhannya bukan mudah untuk beliau membina dan memperkukuh setiap polisi baru dalam Kementerian diterajunya.

"Maklumlah menteri, kementerian baru. Saya harus cermat meneliti. Saya perlu sabar mendengar taklimat. Ini memerlukan masa dan iltizam.

"Kita telah bermula dengan baik bersama dukungan pasukan kementerian yang komited untuk memastikan lima hala tuju utama kementerian dapat dilaksanakan," tambahnya lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/02/2020	MINGGUAN AMANAH	FOKUS	8

Kebajikan nelayan dijaga, pembiayaan mikro untuk usahawan tani wanita

KERAJAAN menyediakan pembiayaan mikro menerusi skim Agro Nisaa' i kepada usahawan tani wanita bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, golongan nelayan misalnya tidak harus mengangap usaha kerajaan hanya terhad kepada elaun sara hidup semata-mata.

"Nelayan jangan hanya anggap itu saja usaha kita. Kita telah meningkatkan skim Agro Nisaa' i menerusi Agrobank

"Suami balik saja dari laut, isteri dan anak-anak tunggu dan letak atas meja. Pelanggan sudah tunggu, dua tiga jam

mereka dapat menjual hasil tangkapan mereka," ujarnya.

Mengulas tentang elaun sara hidup ke-pada seramai 40,000 nelayan di seluruh negara, beliau berkata, penyelewengan yang berlaku sebelum ini sungguh luar biasa.

Aldibatnya, jelas beliau, kerajaan PH mengalami masalah kekurangan peruntukan sehingga memaksa unit menurunkan elaun sara hidup kepada nelayan.

"Jadi, bayangkan perasaan saya ketika itu. Akhirnya dari RM150 (elaun sara hidup) ke-mudian jadi RM200.

"Saya memberikan janji saya, terima dulu RM200. Doakan ekonomi negara akan pulih.

Dalam belanjawan akan datang, kita tam-bah lagi. Naik lagi RM50," katanya.

Salahuddin turut berkata, jumlah elaun sara hidup kepada nelayan tidak mustahil akan dinaikkan pada masa akan datang melihatkan kestabilan ringgit, peningkatan pelaburan langsung asing (FDI) dan lonja-kan harga minyak sawit mentah (MSM).

"Prasarana untuk mereka kita tingkatkan. Pasar nelayan daripada 132 buah, MOA beritizam untuk tambah 20 lagi menjadi 200 pasar nelayan di seluruh negara.

"Lebih banyak pasar nelayan akan dapat dibina dan sudah pasti nelayan tidak ditin-das oleh orang tengah," katanya lagi sambil menyifatkan pihak nelayan dan pembeli masing-masing mendapat manfaat.

Husam Musa - Regu utama Salahuddin Ayub di MOA

Oleh SYAZMIR HARIZ NOORAZALAN

SEJAK Pilihan Raya Umum ke-14, Pakatan Harapan (PH) berjaya membentuk kerajaan persekutuan. PH yang terdiri daripada PKR, DAP, AMANAH dan Bersatu berjaya menumbangkan Barisan Nasional (BN) setelah sekian lama mentadbir negara. Seluruh rakyat Malaysia menanti-nantikan barisan kabinet kerajaan PH yang akan dibentuk. Dalam barisan itu, terdapatnya satu sosok penting yang sebelum ini memalinkan peranan yang sangat besar dalam melebarkan pengaruh PH di negeri Johor berada di sftu. Insan yang dimaksudkan ialah Datuk Seri Salahuddin Ayub, beliau mengapi Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam mendepani cabaran di kubu kuat Umno-BN.

Salahuddin Ayub diberikan peranan sebagai Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Satu kepercayaan yang amat besar apabila timbalan presiden AMANAH diberi tugas tersebut oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Salahuddin dilantik bersama-sama dengan Haji Mohamad Sabu selaku Menteri Pertahanan dan Datuk Seri Dr. Zulkifly selaku Menteri Kesihatan.

Ternyata perantikan Salahuddin sebagai menteri yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan hal ehwal petani dan makanan merupakan satu tindakan yang tepat. Salahuddin yang mempunyai ijazah dalam bidang Pembangunan Manusia dari Universiti Putra Malaysia (UPM) berkeupayaan untuk menggembirakan seluruh ilmu yang ada untuk memajukan industri pertanian. Ramal pemimpin masyarakat terutamanya pembangkang memperlekehkan perantikan ini, malah mereka memandang sinis atas beberapa amaran yang dikeluarkan oleh Salahuddin. Antara amaran yang diperlekehkan ialah isu orang tengah dalam menguruskan jualan hasil pertanian petani kampung. Salahuddin memberi amaran agar orang tengah ini dimansuhkan bagi mengelakkan manipulasi kepada hasil yang sepatutnya dinikmati oleh para petani.

Kegiatan yang berlaku semasa Majlis Perancangan hala tuju kementeriannya di Serdang apabila Salahuddin menitisikan air mata ketika membaca surat yang ditulis oleh petani kampung, menggambarkan betapa halusnya hati Salahuddin melihat penderitaan para petani. Seperti biasa, kecaman dari pembangkang tidak putus-putus menyatakan ia sebuah lakonan seorang menteri semata-mata. Sedangkan apa yang dapat dilihat bahawa Salahuddin benar-benar dapat memahami kesenjangan dan kelompongan yang dialami oleh para petani dalam mene-

“Ternyata keberadaan Husam dalam Kada, bukan sahaja mampu meningkatkan taraf bidang pertanian ini ke tahap yang lebih baik, malah mampu meningkatkan pendapatan petani yang rata-ratanya golongan B40. Kedudukan Husam ini benar-benar membantu Salahuddin, ia bagai regu utama yang berjaya membuka minda petani untuk berusaha membaiki kehidupan mereka.

ruskan lliku-liku kehidupannya.

Kini setelah dua tahun memimpin Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), beliau melangkah dengan penuh dedikasi menguruskan permasalahan para petani dan nelayan. Beliau yang dibantu oleh timbalannya Sim Tze Tzin bergerak senada dalam memastikan petani dan nelayan dibela sebaik mungkin. Mengikuti Kad Laporan MOA 2019, MOA telah berjaya menahan 211 buah bot nelayan asing, manakala 5 buah daripadanya telah dilupuskan dengan cara ditenggelamkan sebagai tanda amaran keras.

Seterusnya, MOA memperkenalkan 'Rezeki Tani' khas untuk membasmi kemiskinan para petani masa kini secara bantuan peralatan dan latihan. 'Ezi MyGap' antara usaha yang diperkenalkan oleh MOA dalam mengurangkan karenah birokrasi tanpa berkompromi dengan kualiti dan keselamatan makanan. Banyak lagi usaha-usaha yang telah dipergiatkan oleh MOA hasil cetusan keprihatinan Salahuddin dan timbalannya.

Tuah Salahuddin Ayub

Salahuddin mempunyai tuahnya sendiri apabila beliau diapit oleh sejumlah pengerusi-pengerusi agensi di bawah MOA yang benar-benar berkualiti. Antaranya ialah Faiz Fadzil selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang merupakan seorang Adun di Pulau Pinang. Selain itu, Salahuddin dibantu oleh Pahrolrazi Mohd Zawawi, Adun Alor Mengkudu, Kedah selaku Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).

Kekalahan sebahagian kecil pemimpin AMANAH di sesetengah kerusi dalam PRU Ke-14 tidak memberi masalah kepada Salahuddin melantik mereka sebagai pengerusi agensi. Antaranya Mazlan Aiman yang terkenal dalam memimpin NGO ANAK sebuah gerakan yang mengkritik ketirisan yang berlaku dalam Felda. Beliau diberi tanggungjawab sebagai Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), khas untuk menguruskan hal ehwal peladang di seluruh Malaysia. Akhir sekali, seorang tokoh yang sangat terkenal dan beribawa dalam memimpin kerajaan Pas negeri Kelantan sekitar

2004 hingga 2013 iaitu Datuk Husam Musa selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu(Kada), agensi yang menguruskan pertanian di sebahagian tanah jajahan Kelantan.

Setelah dihuraikan kesungguhan yang dilakukan oleh Salahuddin dalam menerajui MOA, apa yang ingin diberikan perhatian ialah tokoh ulung yang dipinggirkan oleh Pas sejak perginya Almarhum Tok Guru Nik Aziz kepada Maha Pencipta. Husam Musa dipecat dari Pas pada tahun 2016 setelah digugurkan dari barisan Exco Kerajaan Negeri Kelantan. Beliau banyak meneru dan mendedahkan beberapa isu kontroversi yang melibatkan kepimpinan kerajaan negeri Kelantan. Dalam PRU Ke-14, Husam Musa kalah dalam persaingan merebut kerusi Parlimen Kota Bharu, Kelantan dengan majoriti 2,000 undi. Kekalahan itu menyebabkan beliau tidak tersenarai sebagai anggota jemaah menteri kerajaan PH. Kedudukan beliau menjadi persoalan yang dinanti-nantikan oleh semua pihak kerana beliau merupakan penggerak utama kepada penubuhan PH dan pencalonan Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri jika PH memerintah.

Akhirnya beliau dilantik sebagai Ahli Dewan Negara yang bergelar Senator selain kemudiannya dilantik sebagai Pengerusi Kada. Walaupun beliau tidak dilantik jawatan yang bertaraf nasional, Salahuddin yakin keupayaan Husam dalam meningkatkan hasil pertanian sebahagian jajahan Kelantan serta menaikan taraf hidup masyarakat Kelantan. Beliau yang juga Pengerusi PH Kelantan serta Bendahari Nasional Pakatan Harapan layak untuk memikul tugas tersebut secara tidak langsung dapat melebarkan pengaruh PH di Kelantan.

Lihat sahaja setelah beliau memulakan tugas sebagai Pengerusi Kada, betapa banyaknya idea inovasi baru yang dikemukakan oleh beliau untuk meningkatkan kualiti pertanian. Salah satunya adalah membenarkan pesawah menanam benih padi wangi atau namanya ialah Padi Wangi Varieti MRQ76. Projek ini dimulakan oleh Husam melalui Kada sekitar pertengahan Januari yang lalu. Projek yang dirintis ini semestinya mampu meningkatkan pendapatan pesawah. Nilai yang ada pada padi wangi sangatlah



tinggi. Padi wangi ini merupakan inovasi sebagai hasil jualan mereka. Ini adalah salah satu inovasi pertanian yang menjadi petanda aras yang sangat tinggi dilakukan oleh Kada.

Fasa revolusi industri 4.0

Dalam keadaan dunia semakin canggih memasuki fasa revolusi Industri 4.0 (RI 4.0), pertanian harus diubah seiring dengan kehendak moden. Perubahan-suaian ini perlu dilakukan demi memastikan bidang pertanian akan menjadi salah satu sektor penting dalam RI 4.0. Oleh itu, idea yang dicetuskan oleh Husam bersama pasukannya adalah satu usaha untuk melihat sektor pertanian juga tidak ketinggalan dalam memasuki era baru ini.

Selain itu, inovasi yang mendatangkan pelbagai pendapat dan kritikan masyarakat iaitu cadangan Husam yang mahukan penyedut air jenis serai digunakan bagi penggunaan penyedut air jenis plastik. Di tengah kebuntuan masyarakat menghadapi krisis pencemaran alam yang semakin meruncing, Husam datang dengan idea yang besar dalam menangani masalah ini. Langkah yang dicadangkan ini mampu mengurangkan pencemaran alam sekitar, kerana kita mengetahui bahawa pencemaran alam datangnya dari sampah yang dilakukan oleh manusia itu sendiri. Sampah yang paling banyak pula ialah penyedut air jenis plastik dan beg plastik. Cadangan ini juga, mampu dijadikan pendapatan utama petani-petani apabila cadangan ini dipersetujui, maka permintaan kepada serai akan meningkat secara mendadak.

Ternyata keberadaan Husam dalam Kada, bukan sahaja mampu meningkatkan taraf bidang pertanian ini ke tahap yang lebih baik, malah mampu meningkatkan pendapatan petani yang rata-ratanya golongan B40. Kedudukan Husam ini benar-benar membantu Salahuddin, ia bagai regu utama yang berjaya membuka minda petani untuk berusaha membaiki kehidupan mereka. Cara Husam yang selalu turun padang melihat sendiri masalah petani, memudahkan urusan Salahuddin untuk membuat keputusan yang benar-benar berkesan. Ramal orang yang dilantik menerajui pelbagai agensi, tetapi tidak ramal yang mampu menerajui agensi sekaligus membantu memudahkan urusan para menteri. Jika para petani mendapatkan berita yang benar dan maklumat yang rasmi dari kerajaan, pastinya mereka tahu bahawa kerajaan begitu prihatin dengan nasib petani.

■ Syazmir Hariz Noorazalan adalah Naib Ketua Pemuda AMANAH Gombak.

Headline	12 Agropreneurs in Pineapple Sector Received RM600,000 from Agrobank		
MediaTitle	BizVantage (bizvantage360.com)		
Date	19 Feb 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,000

12 Agropreneurs in Pineapple Sector Received RM600,000 from Agrobank

Each agroprenuer received initial funding of RM50,000 from Puan Khadijah Iskandar, Covering Duties President / Chief Executive Officer of Agrobank and witnessed by YB Datuk Seri Salahuddin Ayub, Minister of Agriculture and Agro-Based Industry at a ceremo...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)



HASMIZA (empat dari kanan) melihat buku cenderamata 25 tahun Harian Metro yang disampaikan Pengarang Kumpulan HM, Hussain Jahit (empat dari kiri) di Balai Berita, semalam.

Logo myGAP tanda buah selamat

Kuala Lumpur: Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) komited meningkatkan kesedaran mengenai produk sayur dan buah selamat di-makan menerusi logo skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP).

Ketua Unit Komunikasi Korporat DOA, Hasmiza Hussin berkata, pihaknya memulakan siri jelajah mempromosikan myGAP terutama melalui kerjasama dengan pasar raya besar bagi memberi kesedaran kepada orang ramai. Katanya, kebanyakan pro-

duk memiliki logo myGAP berada di pasar raya besar seperti AEON dan Tesco seluruh negara.

"Sekarang kami menjalin kerjasama dengan pasar raya besar Mydin untuk menyediakan ruang khas bagi meletakkan semua produk dari ladang yang ada myGAP.

"Akhir Mac ini, kami ada perasmian myGAP di Mydin USJ," katanya ketika sesi lawatan kerja DOA ke Balai Berita di sini, semalam.

Hasmiza berkata, pihaknya memperluaskan tabap kesedaran itu ke seluruh negara.

"Kami mahu bila pengguna melihat logo myGAP, mereka tahu sayur atau buah dibeli itu selamat.

"Kami juga mengunjungi setiap pasar raya bagi memberi penerangan kepada pihak pasar raya mengenai pensijilan myGAP," katanya yang mengakui masyarakat di negara ini lebih maklum mengenai produk organik berbanding produk MyGAP.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/02/2020	MINGGUAN AMANAH	PERISTIWA	30,31

Khalid dan Timbalan KSI KWP, Daruk Wan Uzi, melihat bagaimana ikan bilis di tangkap di Bagang yang dibina oleh nelayan di Labuan.

Lab
31/2

Bagang kini sumber baru pendapatan nelayan Labuan

Oleh BORNAN AHMAD

ALHAMDULILLAH, berkat lawatan menteri malam tadi. Pagi ini ikan bilis banyak masuk ke bagang.. sampaikan ucapan terima kasih saya kepada YB menteri dan semua yang terlibat."

Itulah bunyi pesanan yang dihantar oleh seorang pengusaha Bagang iaitu tempat menangkap ikan bilis di Labuan, Junaidi Mohamad, kepada kenalan-nya di Perbadanan Labuan.

Junaidi yang lebih dikenali sebagai June adalah salah seorang dari 10 pengusaha Bagang di Labuan.

Beliau membina Bagang untuk menangkap bilis dengan bantuan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) pimpinan Khalid Samad.

Kalau dahulu Bagang ini dibuat tanpa lesen dari Jabatan Perikanan, kini lesen sementara telah dikeluarkan kepada mereka.

Sebelum itu, Khalid buat pertama kalinya turun ke Bagang yang dimiliki oleh June, selepas percubaan sebelum ini gagal kerana pelbagai masalah teknikal.

Menurut June, pada setiap malam beliau akan mengangkat tiga kali pukuk yang diletak dibawah sinaran lampu untuk menarik ikan bilis berkumpul.

"Rasanya 30 kilo ini," kata June kepada Khalid dan rombongannya merujuk

kepada tangkapan yang dibuat kira-kira jam 10.00 malam 6 Februari lalu.

Dengan tiga kali tangkapan pada setiap malam, mereka boleh menangkap kira-kira 100 kilogram ikan bilis dan lain-lain pada setiap malam.

Selain ikan bilis, turut dibawa naik adalah anak ikan kekek yang bakal dijadikan sambal ikan kekek oleh June dan rakan-rakannya.

Sambil ikan lekek dari Labuan sangat terkenal dan kini menjadi sumber pendapatan nelayan di Labuan selain bilis.

KWP menjadikan bantuan untuk membina bagang sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan pendapatan nelayan di pulau yang asalnya sangat makmur dengan industri minyak dan gas itu.

Namun selepas industri itu tidak menentu, ramai penduduk terpaksa menjadi nelayan kembali.


KWP melalui Perbadanan Labuan juga sedang berusaha untuk meningkatkan industri pelancongan di pulau bebas cukai itu.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Perbadanan Labuan, Dr Fary Osman, pada tahun 2020 ini sebanyak 100 acara telah disusun untuk menarik dan seterusnya menggalakan lagi industri pelancongan di Labuan.

Turut diaktifkan adalah Industri pelancongan yang berasaskan laut dengan penglibatan para nelayan.

Ikan bilis atau kekek yang diperolehi melalui bagang ini mencecah hampir 100 kilogram setiap malam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/02/2020	MINGGUAN AMANAH	PERISTIWA	30,S1



an kini mempunyai 10 Bagang untuk menangkap bilis yang
 o mula mendapat lesen sementara dari Jabatan Perikanan.

Pekerja Jume menunjukkan hasil Bagang yang diperolehi berupa ikan
 bilis dan ikan kekek selepas semalaman melakukan aktiviti itu.

Nelayan sedang menaikkan pukut yang sudah penuh dengan ikan bilis.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Dr. Shahrudin Md Salleh
 teruja melihat hasil tangkapan yang dinaikkan para nelayan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/02/2020	MINGGUAN AMANAH	NASIONAL	13

Penyedut serai inovasi bernas

BIRO Pertanian Pemuda AMANAH Negeri Selangor, Mohd Syahrul Amri Mat Sari menyambut baik cadangan daripada Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Senator Datuk Husam Musa mengenai cadangan menggunakan penyedut minuman serai di cafe KADA dan hospital sebagai permulaan.

"Ia mampu mengurangkan penggunaan plastik yang menjadi punca utama pencemaran alam sekitar serta ancaman kepada hidupan darat dan laut. Dapat meningkatkan peluang perniagaan tanaman baharu yang bernilai tinggi melalui permintaan yang tinggi terhadap serai dan menggalakkan usahawan tani menceburi sektor pertanian hilliran yang mampu memberi pulangan yang lebih lumayan," katanya.

KADA akan kembang serai buluh ganti straw plastik

Oleh **NASUHA RAHMAN**

LEMBAGA Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) akan memperluaskan, tanaman serai buluh di semua peringkat untuk komersialkan tanaman itu bagi menggantikan straw plastik di seluruh negara.

Tanaman itu, menurut Pengerusi KADA Senator Husam Musa boleh ditanam di mana-mana sahaja sama ada di sekolah, rumah, atau di kawasan lapang termasuk di penjara.

"Tanaman serai buluh telah diusahakan banyak pihak tetapi tidak ada yang komersialkan. Kerajaan Selangor dan Wilayah Persekutuan keluar arahan tidak boleh guna straw plastik tetapi ada gantian kepada straw plastik," katanya.


Husam berkata, daripada berpuluh-puluh serai yang ada serai buluh telah dikenal pasti sesuai dengan panjang dan saiz sebagai penyedut minuman.

Malangnya, kata beliau, serai buluh ini belum banyak ditanam mahupun di Kelantan.

"Apa yang kita buat ialah menanam serai ini bagi membiakkannya seperti di sekolah-sekolah, orang kampung, orang ramai boleh menanam atas tali air KADA yang luas dan banyak masih kosong.

"Kita beri kemudahan mesin bajak yang kecil dan kemudahan-kemudahan lain seperti baja serta teknik penanaman. Kita bagi hak-hak penanaman di tali air secara percuma.

Husam turut mengakui ada usaha-usaha kecil-kecilan tetapi tidak ada integrasi



pengeluaran serai buluh secara komprehensif.

"Kenapa serai yang saya promosi kerana serai adalah hak semua orang atau demokrasi. Setiap orang boleh tanam di rumah, cikgu boleh ajak anak murid tanam di sekolah, penjara kita ada banyak tanah-tanah kosong banduan boleh tanam serai dalam kawasan penjara dan boleh dijual atau diedarkan di mana-mana seluruh negara bukan mesti beli dengan KADA, semua orang boleh buat di Johor, Selangor atau di mana-mana," katanya.

Selain kulit luar serai dijadikan straw, katanya, kulit dalam serai boleh diusahakan menjadi teh serai, abstrak minyak serai bah-

kan kajian menunjukkan serai boleh menggubati berpuluh-puluh penyakit.

Husam berkata, beliau mengambil usaha kecil ini bagi menyedarkan semula kedudukan ancaman straw plastik kepada alam sekitar pada hari ini kerana negara ini sahaja telah mengeluarkan 31 juta straw plastik setiap hari.

Mengikut statistik menjelang tahun 2025 bilangan straw plastik dalam laut lebih banyak daripada ikan dan mengambil masa paling kurang 200 tahun untuk lopus.

"100,000 hidupan laut mati setiap tahun juga kematian flora dan mengundang kepanasan laut serta peningkatan suhu laut," katanya.

Dept seizes 52 tonnes of Tunisian dates

BUTTERWORTH: The State Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized three containers loaded with Deglet Nour dates that did not comply with import requirements at the North Butterworth Container Terminal near here.

State Maqis director Zarina Ramli said the dates weighing 52.2 tonnes and estimated to be worth RM791,395.70, were found during an inspection on the containers originating from Tunisia.

She said the importation of the agricultural products was found to be in violation of import requirements as stated in the import permit document issued by Maqis and was an offence under Section 15

(1) of the Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728).

If found guilty, offenders can be charged under Section 15 (2) of the same Act, which carries a fine not exceeding RM100,000 or a jail term not exceeding six years, or both.

“Maqis will continue to tighten enforcement and will not compromise on the biosecurity of goods brought in from abroad to ensure they comply with requirements and

regulations.

“This is also to ensure that the agriculture sector is at its level best and protected from the threat of pests and diseases,” she added.



Zarina Ramli

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/02/2020	SINAR HARIAN	NEGERI	33

Maqis rampas tiga kontena kurma

BUTTERWORTH - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas 52.2 metrik tan kurma yang dianggarkan bernilai RM791,395.70 kerana tidak mematuhi syarat import di Pelabuhan Pangkalan Butterworth Utara (NBCT) Pulau Pinang di sini Sabtu lalu.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, kurma itu ditemui ketika pemeriksaan rutin ke atas tiga buah kontena berasingan dari Tunisia.

Menurutnya, aktiviti membawa masuk keluaran hasil pertanian yang tidak mematuhi syarat import sepertimana yang dinyatakan pada dokumen permit import sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Maqis merupakan satu kesalahan di bawah



ZARINA

Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

“Bagi kesalahan ini pihak yang berkenaan boleh dikenakan tindakan di

bawah Seksyen 15(2), akta sama yang jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya.

“Maqis akan terus memperketatkan kawalan dan tiada kompromi ke atas biosekuriti barangan yang dibawa masuk dari luar negara bagi memastikan komoditi pertanian mematuhi syarat serta peraturan yang telah ditetapkan,” katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Zarina berkata, langkah itu bagi memastikan sektor pertanian dalam negara di tahap terkawal daripada ancaman perosak mahupun penyakit.

19/02/2020

29

SINAR
HARIAN
SINAR NEGERI
SELANGOR/KL

Guna varieti padi Kadaria 1

Barat Laut Selangor bakal guna padi hibrid pertama pada 1 Jun

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

TANJONG KARANG

Jelapang padi Barat Laut Selangor dijangka menggunakan varieti padi hibrid pertama negara, Kadaria 1 pada musim tanaman kedua yang dijadualkan pada Jun depan. Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor berkata, varieti itu mampu mengeluarkan hasil padi antara tujuh hingga lapan tan sehektar.

Menurutnya, kelebihan Kadaria 1 matang lebih awal dan tahan atau rintang terhadap penyakit karah.

"Ini dapat dibuktikan menerusi projek perintis di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Kelantan yang berjaya meningkatkan



Mohamad Roff (kanan) mengiringi Timbalan Ketua Setiausaha Dasar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Dabuk Haslina Abdul Hamid bertanya sesuatu kepada seorang peserta pada majlis berkenaan semalam.

pengeluaran padi sehingga 7.5 tan sehektar berbanding 3.5 tan sehektar sebelum ini.

"Ini menunjukkan peningkatan sekali ganda dan varieti ini juga akan diperluaskan di Barat Laut Selangor pada tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Galeri Inovasi Padi Taman Agroteknologi MARDI Tanjung Karang, di sini semalam.

Mohamad Roff berkata, ketika ini pesawah di Barat Laut Selangor masih

menggunakan varieti MR 284, MR 220 CL2 dan MR 219.

Ditanya berhubung varieti sedia ada menyebabkan pokok padi diserang penyakit serangan hawar bulir bakteria (BPB) dan karah tangkai di Barat Laut Selangor hingga menyebabkan kerugian kepada pesawah, Mohamad Roff berkata, MARDI dalam usaha mencari jalan penyelesaian mengurangkan risiko tersebut.

"Langkah awal kita syorkan pesawah menggunakan rawatan benih dan semburan berkala untuk kawal penyakit berkenaan," katanya.

19/02/2020

SINAR
HARIAN

NASIONAL

15

Tarikan Galeri Inovasi Padi

Tarikan baharu di Kuala Selangor yang bakal merancakkan ekonomi penduduk setempat

Oleh MOHD IZZATUL
IZUAN TAHIR

TANJONG KARANG

Penubuhan Galeri Inovasi Padi yang diusahakan Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berpotensi menjadi salah satu pusat tarikan pelancong di Kuala Selangor.

Timbalan Ketua Setiausaha Dasar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, galeri yang menempatkan maklumat mengenai sejarah industri padi itu bakal merancakkan pertumbuhan ekonomi penduduk setempat.

Malah, katanya, pemba-



Haslina (dua dari kiri) melakukan gimik perasmian pelancongan Galeri Inovasi Padi Taman Agroteknologi MARDI Tanjung Karang, Kuala Selangor semalam.

ngunan galeri itu juga dapat membantu industri agropelancongan terutama pengusahawan desa dan industri kecil dan sederhana (IKS) di kawasan sekitarnya untuk menjana pendapatan.

"Pengusaha inap desa akan menerima banyak tempahan, sementara usahawan produk industri asas tani boleh mendapat pulangan lumayan.

"Selain itu, jualan hasil pertanian juga meningkat dan ia menggalakkan inisiatif menaik taraf kemudahan serta infrastruktur sedia ada," katanya pada sidang media selepas pe-



Haslina (tengah) melawati galeri padi selepas perasmian Galeri Inovasi Padi Taman Agroteknologi MARDI Tanjung Karang, Kuala Selangor semalam.

padi berunsurkan pendidikan dan rekreasi yang menghiburkan seperti menanam padi, menangkap ikan dan sebagainya.

"Ja membolehkan pengunjung terutama anak-anak muda dan mereka yang tinggal di kawasan bandar merasa sendiri perit-jerih pesawah untuk menghasilkan beras," katanya.

Haslina berkata, sehingga kini seramai 1,462 pengunjung melawat galeri berkenaan yang dibuka kepada pengunjung pada 27 Mac tahun lalu.

"Galeri ini juga menjadi salah satu kaedah kami mengah-

angkat sebagai wira negara yang menjadi benteng jaminan keselamatan bekalan makanan negara," katanya.

Menurutnya, sebanyak lima galeri agroteknologi dibangunkan MARDI termasuk galeri inovasi padi di Tanjung Karang.

"Sebelum ini kita ada empat galeri iaitu di MARDI Langkawi, Kedah (buah-buahan tropika), MARDI Cameron Highlands, Pahang (tanaman tanah tinggi) Kuala Kangsar, Perak (durian dan Cherating, Pahang (agropelancongan)," katanya.

Headline	Selangor improved rice suffers setback in harvest		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	19 Feb 2020	Color	Full Color
Section	Metro Edition A	Circulation	288,920
Page No	6	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	612 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,545
Frequency	Daily	PR Value	RM 55,636



乾葉病 稻熱病“侵害” 雪改良稻米收成受創

【丹絨加弄18日訊】大馬農業發展研究所(MARDI)主席拿督莫哈末羅夫指出，該研究所在雪蘭莪改良稻米谷種，目的是將收成產量從原本的3.5至4噸，提升至7.5至8噸，惟由于無法克服乾葉病和其他病菌的“滋擾”，以致這一季的收成無法得到預期效果。

他指，此前農研所在吉打采用舊品種的稻谷進行實驗性播種，成功提高該地的收成，因此該研究將在今年下一季度，即6月份試用稻谷品種。

莫哈末羅夫今日出席雪蘭莪農業科技展覽中七項介紹時，在新聞發布會上針對雪蘭莪北部稻米改良方案收成未達預期的效果，發表上述講話。

他表示，雪蘭莪北部稻田因感染「叶病」(Panicle sheath blight)和稻熱病的“侵害”，以致稻田收成僅有3至4噸。

除了收割產量偏低之外，稻田顏色也變成好像被火燒過的褐色。



丹絨加弄農業科技展覽中心，除了可以感受到农村的风情，还可看見從遠處看不到的稻田，也可從中了解傳統稻米耕作过程。

莫哈末羅夫：改良下季谷種

莫哈末羅夫說，主要是有关稻米收成，一直以来都面对干旱和稻熱病侵襲，以致每公頃稻田的收成平均僅維持在3至3.5公噸而已。

他指，雪蘭莪西部及吉打西部的稻田，一直以来都面对干旱和稻熱病侵襲，以致每公頃稻田的收成平均僅維持在3至3.5公噸而已。

他补充，本地稻农于2018年的产量为364万吨，其中25%收成来自丹絨加弄2780名稻农。

哈絲麗娜：增稻米展廳 放眼吸引1500遊客

由于农业及农业工业部副部长志丹哈絲麗娜(左二)为丹絨加弄农业科技展览中心揭幕时，哈絲麗娜表示，位于丹絨加弄农业科技中心展览中心，将成为大馬农业发展研究所全马第8大展厅，并希望放眼今年可吸引1500至2000名游客前来观赏。

在这里，除了可以感受到农村风情，还可看見城市里看不到的稻田，也可从中了解传统稻米耕作过程，并且亲身体会下田耕作等。



丹絨加弄(左二)为丹絨加弄农业科技展览中心进行揭幕仪式，右一起为法理拉希米及莫哈末羅夫；左一为哈絲麗娜。

·展览厅内方展示不同的稻米品种。

丹、金马仑高原高山植物园、瓜拉江沙植物园及珍拉丁(Cheating)合作展厅后，如今在丹絨加弄增设稻米展厅。

她表示，展览厅于去年3个月曾举办一项正式推介礼，吸引1462人前来参观。但随着中国开始传出新冠病毒疫情后，相信访客或多或少都会带来一些影响。

另一方面，我国将于3月3至5日，在丹絨加弄举办农业生态旅游研讨会，国内业界受邀列席参与。

莫哈末羅夫表示，尽管全球受到新冠病毒疫情影响，但参与者主要来自国内业界和专家，因此该研讨会不受影响，如期举办。

“我们曾开过无数次会议，也希望业界人士能够参加这场研讨会。”由原署尚雪州农业发展研究所局长法理拉希米和副所长哈絲麗娜等。

Headline	New variety of disease-resistant rice to be planted for trial in Selangor next week		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	19 Feb 2020	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A35	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	564 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,594
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,782



新品种抗病稻谷 下季在雪州试种

丹絨加弄18日讯 | 大马农业发展研究院 (MARDI) 成功研发改良抗病稻谷, 并在吉打州试种成功; 并将于下季度6月份在雪州试种, 以提高西海岸稻米种植的产量与收成。

大马农业发展研究院为了提高西马半岛西海岸的稻米产量与收成, 分别在雪州和吉打州试验种植新品种稻谷, 希望将原本每公顷3至3.5公吨的产量收成提高至7至7.5公吨。

惟在雪州西北部的稻田试种区, 尤其是远州庄一带的稻田种植收成, 由于无法克服稻叶病和稻热病的问题, 导致今季的稻米产量收成依然维持在每公顷3至3.5公吨, 无法提高收成。

吉州试种产量倍增

至于在吉打州的新品种稻谷种植试验, 由于大马农业品发展研究院改良新品种抗病稻谷, 并成功将原本每公顷3.5公吨的产量提高至每公顷7.5公吨。因此, 该局会把新品种的稻谷带到



哈丝丽娜(中) 巡视丹戎加弄农行的农业产品, 右为莫哈末洛夫。

雪州进行试种。

大马农业发展研究院总监拿督莫哈末洛夫披露, 在吉打州改良并成功试种的新稻谷, 将会在雪州进行试验种植, 今年的6月起, 即是下一季度的播种期将使用新稻谷种植。

他指出, 吉打州和雪州面对的问题不一样, 吉打州稻米种植面对土壤不肥沃的问题, 而雪州则是一直面对稻叶病和稻热病

的困扰, 导致两地的稻米产量收成一直无法提高。

稻谷生病的导因主要是稻谷品质问题, 或由风向带来病菌, 以及外来因素造成。我们不断进行谷种改良方案, 并成功在吉打成功取得抗病效果, 让每公顷田地收成提高至7到8公吨。

莫哈末洛夫于今天上午陪同农业及农垦工业部副秘书长(政策)拿督哈丝丽娜为丹絨加

弄农业科技中心的展览馆主持开幕典礼后, 针对雪州西北部稻米终止试验不奏效的问题, 作出上述回应。

针对稻米收成不好的传言, 莫哈末洛夫解释, 雪州西北部稻田产量原本收成为每公顷3至3.5公吨, 在上季度尝试使用的谷种, 则能达到4公吨收成, 为此, 并没有带来太大差异或收成减少的情况。

Headline	Selangor to try growing disease-resistant rice in June		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	19 Feb 2020	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	649 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,164
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,492



雪州6月试种抗病稻谷

【丹絨加弄 10 日讯】大马农业发展研究院在吉打成功研发改良抗病稻谷，料得下下一季度6月将在雪州西北部试种，以提高该区稻米收成。

大马农业研究院总司长拿丹戎拉勿夫表示，吉打和雪州四地的稻田都面临严重稻瘟病侵袭，以致每公顷稻田的收成，平均仅维持在3至3.5公吨而已。

“有关病害主要来自稻谷品种或风灾

及引虫因素造成。为改善此问题，我们尝试进行各种改良方案，其中，吉打区成功取得抗病效果。让每公顷稻田的收成提高至7到8公吨之间。”

他今日陪同农业及农林工业副部长（政策）拿拉哈尼娅娜，为该院设在丹絨加弄农业科技中心的展览厅主持开幕礼后，针对雪州西北部稻米改良方案收成不佳问题如此回应。

拿哈尼娅娜说，实际上，雪州西北

部稻田原本收成每公顷仅3至3.5公吨，在上季度尝试使用新谷种后，却没有取得预期7至8公吨的收成，不过也没有造成减产，而是维持在4公吨收成而已。

“我们将尝试把吉打成功改良的谷种，用于雪州西北部上、下季的种植谷种。”

根据农业部数据显示，我国目前的稻米自给自给比例为72%，并计划在未來3至5年内提高至75%。本地稻米于2018年的产量为264万公吨，其中24%收成来自丹絨加弄2780名稻农。

冲山。

她说，尽管如此，农业部还是有信心在2020大马旅游年中，推动农业生态旅游发展项目，以达至上述发展目标。“丹絨加弄展览厅有助带动该区域旅游业的发展，并给游客提供种植稻米的各种信息，比如其参观者了解稻米种植技术的发展信息，认识稻米种类，并亲身体验下田耕种等，让大家都知道稻米种植较简单。”



拿哈尼娅娜（左起）向哈尼娅娜介绍稻农所使用的肥料产品。

丹絨加弄稻米展厅 放眼吸引 2 千游客

丹絨加弄农业科技中心展览厅被成为大马农业研究院今年第五大展厅，预期今年吸引 1500 至 2000 名游客前来参观。

哈尼娅娜指出，丹絨加弄农业展厅，全马最高原山植物展厅，瓜拉江

沙洲展厅，也拉打椰子展厅后，该院如今在丹絨加弄设立稻米展厅。

有关展厅去年3月举办正式推介会后，吸引 1462 人前来参观，然而随着中国在去年伊始爆发震惊全球的新冠病毒问题后，我国相信会减少会量成一些

下月办生态旅游研讨会

我国将于3月3日至5日，在丹戎拉勿夫举办农业生态旅游研讨会，国内业界受邀踊跃参与。

拿哈尼娅娜表示，尽管全球受到新冠肺炎影响，不过参与

者主要来自国内业界和专家，因为大会将如期举办。

“我们暂时无法开成会议的举办，但希望业界人士能够踊跃出席参与盛会。”

Price of Musang King falls

Durian boom due to favourable season and virus outbreak

By LIEW JIA XIAN
jixian@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Good news for durian lovers as the price of Musang King has plunged by between 20% and 50% due to Covid-19 and oversupply in the market.

Ironically, a high yield is expected in the mid-year durian season because of favourable weather conditions.

According to a durian trader here, Tan Chee Keat, 1kg of Musang King is now priced between RM24 and RM33 instead of RM55.

"We are facing a challenging time because of the (Covid-19) outbreak.

"Our export order has dropped by 70% after Chinese New Year," he said, adding that China has been his biggest export market.

Tan lamented the decision by many to put their trips on hold during the health scare, causing traders to experience a slowdown in business.

"People dare not travel for fear of getting infected. It's a shame because the durian supply in Penang will definitely be more than enough due to the long hot weather.

"Our durian flowers are blooming like crazy but still, we need to be cautious as the rainy season in March will affect the quantity and quality," he said yesterday.

Durian Central business partner, who wished to be known as Lim, said his stall in Macalister Road here had seen a drop of 50% in visitors since the Covid-19 epidemic.



Up for grabs: Lim said the price of Musang King has gone down by 20% since Chinese New Year.

including durian business.

"As the durians are flowering now, estate owners are expecting a high yield this year," he said.

He added that the durians on Penang island are mainly sold to locals and tourists only.

"We do not export durians to China but many traders from other states in Malaysia do. Business will surely be affected if their durians cannot be exported," he said.

Ang hoped the Chinese tourists would continue to come and enjoy durians here.

"However, it is hard to predict whether the price of durians in Penang will drop further as it depends on market demand and supply," he said.

"Our customers are usually from China, Indonesia, Singapore and Hong Kong, and some of them are cruise passengers.

"However, the virus has stopped many tourists from travelling and our business has been slow lately," he said.

Lim said the locals seldom eat durian during the off-season, and they will usually bring their friends from overseas to sample the king of fruits here.

"Penangites only come in May, June and July - the durian season here," he said.

He added that the price of Musang King has gone down by 20% since Chinese New Year.

Durian seller L.Y. Ang said the coronavirus disease 2019 has impacted the whole market